



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

15 Ogos , 1992.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.3 TAHUN 1992**  
**Nombor Lot**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan menetapkan cara menomborkan lot di atas Pelan Akui.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Cara menomborkan lot di atas Pelan Akui di bawah Pekeliling KPUP Bil.2/82 bertarikh 6 Mei 1982 adalah dalam enam angka dengan menambah angka-angka " 0 " di hadapannya jika nombor lot tidak mencapai enam angka.
- 2.2 Kaedah penomboran itu kini didapati tidak sesuai lagi kerana ia memerlukan ruang yang panjang dan keadaan ini menyulitkan penomboran lot di atas Pelan Akui serta lain-lain dokumen yang perlu dikemaskini.

**3. Kaedah Penomboran Lot**

Adalah dengan ini ditetapkan lot hendaklah dinomborkan mengikut siri dengan menunjukkan nombor sebenar tanpa angka-angka " 0 " di hadapannya.

Contoh :                  456 dan bukan 000456

**4. Penguatkuasaan**

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya dengan serta merta. Walau bagaimanapun Pelan Akui yang dilukis dengan kaedah penomboran lot di bawah Pekeliling KPUP Bil.2/82 boleh diterima dalam tempoh enam bulan dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Edaran kepada:**

Semua Pengarah Ukur Negeri

**Salinan kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Kadaster

Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster

Setiausaha, Lembaga Juruukur Tanah,

Semenanjung Malaysia